

MALAYSIA



Treaty Series No. 82 (1973)

Agreement

V
18/07/59

between the Government of the
United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland
and the Government of Malaysia
for Air Services between and beyond
their Respective Territories

London, 24 May 1973

[The Agreement entered into force on 24 May 1973]

*Presented to Parliament
by the Secretary of State for Foreign and Commonwealth Affairs
by Command of Her Majesty
July 1973*

LONDON
HER MAJESTY'S STATIONERY OFFICE

13½p net

Cmnd. 5373

AGREEMENT
BETWEEN THE GOVERNMENT OF THE UNITED KINGDOM OF
GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND AND THE
GOVERNMENT OF MALAYSIA FOR AIR SERVICES BETWEEN
AND BEYOND THEIR RESPECTIVE TERRITORIES

The Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and the Government of Malaysia;

Being parties to the Convention on International Civil Aviation; and

Desiring to conclude an Agreement for the purpose of establishing air services between and beyond their respective territories;

Have agreed as follows:

ARTICLE 1

For the purpose of the present Agreement, unless the context otherwise requires:

- (a) the term “the Convention” means the Convention on International Civil Aviation opened for signature at Chicago on the seventh day of December, 1944,⁽¹⁾ and includes any Annex adopted under Article 90 of that Convention and any amendment of the Annexes or Convention under Articles 90 and 94 thereof;⁽²⁾
- (b) the term “aeronautical authorities” means, in the case of the United Kingdom, the Secretary of State for Trade and Industry and any person or body authorised to perform any functions at present exercisable by him or similar functions, and, in the case of Malaysia, the Minister of Communications and any person or body authorised to perform any functions at present exercisable by the said Minister or similar functions;
- (c) the term “designated airline” means an airline which one Contracting Party shall have designated, by written notification to the other Contracting Party, in accordance with Article 3 of the present Agreement, for the operation of air services on the routes specified in such notification;
- (d) the term “change of gauge” means the operation of an air service by a designated airline in such a way that one section of the route is flown by aircraft different in capacity from those used on another section;
- (e) the term “territory” in relation to a State means the land areas and territorial waters adjacent thereto under the sovereignty, suzerainty, protection or trusteeship of that State; and

⁽¹⁾ Treaty Series No. 8 (1953), Cmd. 8742.

⁽²⁾ Treaty Series No. 63 (1961), Cmnd. 1448
Treaty Series No. 24 (1958), Cmnd. 482.
Treaty Series No. 26 (1957), Cmnd. 107.
Treaty Series No. 59 (1962), Cmnd. 1826.
Treaty Series No. 62 (1973), Cmnd. 5310.

- (f) the term "air service", "international air service", "airline" and "stop for non-traffic purposes" have the meanings respectively assigned to them in Article 96 of the Convention.

ARTICLE 2

(1) Each Contracting Party grants to the other Contracting Party the rights specified in the present Agreement for the purpose of establishing air services on the routes specified in the appropriate Section of the Schedule thereto (hereinafter called "the agreed services" and "the specified routes").

(2) Subject to the provisions of the present Agreement, the airlines designated by each Contracting Party shall enjoy, while operating an agreed service on a specified route, the following privileges:

- (a) to fly without landing across the territory of the other Contracting Party;
- (b) to make stops in the said territory for non-traffic purposes; and
- (c) to make stops in the said territory at the points specified for that route in the Schedule to the present Agreement for the purpose of putting down and taking on international traffic in passengers, cargo and mail.

(3) Nothing in paragraph (2) of this Article shall be deemed to confer on the airlines of one Contracting Party the privilege of taking up, in the territory of the other Contracting Party, passengers, cargo or mail carried for remuneration or hire and destined for another point in the territory of that other Contracting Party.

ARTICLE 3

(1) Each Contracting Party shall have the right to designate in writing to the other Contracting Party one or more airlines for the purpose of operating the agreed services on the specified routes.

(2) On receipt of the designation, the other Contracting Party shall, subject to the provisions of paragraphs (3) and (4) of this Article, without delay grant to the airline or airlines designated the appropriate operating authorisation.

(3) The aeronautical authorities of one Contracting Party may require an airline designated by the other Contracting Party to satisfy them that it is qualified to fulfil the conditions prescribed under the laws and regulations normally and reasonably applied by them in conformity with the provisions of the Convention to the operation of international commercial air services.

(4) Each Contracting Party shall have the right to refuse to accept the designation of an airline and to withhold or revoke the grant to an airline of the privileges specified in paragraph (2) of Article 2 of the present Agreement or to impose such conditions as it may deem necessary on the exercise by an airline of those privileges in any case where it is not satisfied that substantial ownership and effective control of that airline are vested in the Contracting Party designating the airline or in nationals of the Contracting Party designating the airline.

(5) At any time after the provisions of paragraphs (1) and (2) of this Article have been complied with, an airline so designated and authorised may begin to operate the agreed services provided that a service shall not be operated unless a tariff established in accordance with the provisions of Article 7 of the present Agreement is in force in respect of that service.

(6) Each Contracting Party shall have the right to suspend the exercise by an airline of the privileges specified in paragraph (2) of Article 2 of the present Agreement or to impose such conditions as it may deem necessary on the exercise by an airline of those privileges in any case where the airline fails to comply with the laws or otherwise fails to operate in accordance with the conditions prescribed in the present Agreement; provided that, unless immediate suspension or imposition of conditions is essential to prevent further infringements of laws or regulations, this right shall be exercised only after consultation with the other Contracting Party.

ARTICLE 4

Fuel, lubricating oils, spare parts, regular aircraft equipment and aircraft stores introduced into the territory of one Contracting Party, or taken on board aircraft in that territory, by or on behalf of the other Contracting Party or its designated airline or airlines and intended solely for use by or in the aircraft of those airlines shall be accorded the following treatment by the first Contracting Party in respect of customs duties, inspection fees and other similar national or local duties and charges :

(a) in the case of fuel and lubricating oils remaining on board aircraft at the last airport of call before departure from the said territory, exemption; and

(b) in the case of fuel and lubricating oils not included under (a) and spare parts, regular aircraft equipment and aircraft stores, treatment not less favourable than that accorded to similar supplies introduced into the said territory, or taken on board aircraft in that territory, and intended for use by or in the aircraft of a national airline of the first Contracting Party, or of the most favoured foreign airline, engaged in international air services. This treatment shall be in addition to and without prejudice to that which each Contracting Party is under obligation to accord under Article 24 of the Convention.

ARTICLE 5

(1) There shall be fair and equal opportunity for the airlines of both Contracting Parties to operate the agreed services on the specified routes between their respective territories.

(2) In operating the agreed services, the airlines of each Contracting Party shall take into account the interests of the airlines of the other Contracting Party so as not to affect unduly the services which the latter provide on the whole or part of the same routes.

(3) The agreed services provided by the designated airlines of the Contracting Parties shall bear close relationship to the requirements of the public for transportation on the specified routes and shall have as their primary objective the provision, at a reasonable load factor, of capacity adequate to carry the current and reasonably anticipated requirements for the carriage of passengers, cargo and mail originating from or destined for the territory of the Contracting Party which has designated the airline. Provision for the carriage of passengers, cargo and mail both taken up and put down at points on the specified routes in the territories of States other than that designating the airline shall be made in accordance with the general principles that capacity shall be related to:

- (a) traffic requirements to and from the territory of the Contracting Party which has designated the airline;
- (b) traffic requirements of the area through which the airline passes, after taking account of other transport services established by airlines of the States comprising the area; and
- (c) the requirements of through airline operation.

ARTICLE 6

A designated airline of one Contracting Party may make a change of gauge at a point in the territory of the other Contracting Party only on the following conditions:

- (a) that it is justified by reason of economy of operation;
- (b) that the aircraft used on the section more distant from the terminal in the territory of the former Contracting Party are smaller in capacity than those used on the nearer section;
- (c) that the aircraft of smaller capacity shall operate only in connexion with the aircraft of larger capacity and shall be scheduled so to do; the former shall arrive at the point of change for the purpose of carrying traffic transferred from, or to be transferred into, the aircraft of larger capacity; and their capacity shall be determined with primary reference to this purpose;
- (d) that there is an adequate volume of through traffic; and
- (e) that the provisions of Article 5 of the present Agreement shall govern all arrangements made with regard to change of gauge.

ARTICLE 7

(1) The tariffs on any agreed service shall be established at reasonable levels, due regard being paid to all relevant factors including cost of operation, reasonable profit, characteristics of service (such as standards of speed and accommodation) and the tariffs of other airlines for any part of the specified route. These tariffs shall be fixed in accordance with the following provisions of this Article.

(2) The tariffs referred to in paragraph (1) of this Article, together with the rates of agency commission used in conjunction with them shall, if possible, be agreed in respect of each of the specified routes between the designated airlines concerned, in consultation with other airlines operating over the whole or part of that route, and such agreement shall, where possible, be reached through the rate-fixing machinery of the International Air Transport Association. The tariffs so agreed shall be subject to the approval of the aeronautical authorities of both Contracting Parties.

(3) If the designated airlines cannot agree on any of these tariffs, or if for some other reason a tariff cannot be agreed in accordance with the provisions of paragraph (2) of this Article, the aeronautical authorities of the Contracting Parties shall try to determine the tariff by agreement between themselves.

(4) If the aeronautical authorities cannot agree on the approval of any tariff submitted to them under paragraph (2) of this Article or on the determination of any tariff under paragraph (3), the dispute shall be settled in accordance with the provisions of Article 11 of the present Agreement.

(5) No tariff shall come into force if the aeronautical authorities of either Contracting Party are dissatisfied with it except under the provision of paragraph (3) of Article 11 of the present Agreement.

(6) When tariffs have been established in accordance with the provisions of this Article these tariffs shall remain in force until new tariffs have been established in accordance with the provisions of this Article.

ARTICLE 8

Each Contracting Party grants to the designated airlines of the other Contracting Party the right of free transfer of the excess of their receipts in its territory over their expenditure therein. Such transfers shall be effected on the basis of the prevailing foreign exchange market rates for current payments.

ARTICLE 9

The aeronautical authorities of either Contracting Party shall supply to the aeronautical authorities of the other Contracting Party at their request such periodic or other statements of statistics as may be reasonably required for the purpose of reviewing the capacity provided on the agreed services by the designated airlines of the first Contracting Party. Such statements shall include all information required to determine the amount of traffic carried by those airlines on the agreed services and the origins and destinations of such traffic.

ARTICLE 10

There shall be regular and frequent consultation between the aeronautical authorities of the Contracting Parties to ensure close collaboration in all matters affecting the fulfilment of the present Agreement.

ARTICLE 11

(1) If any dispute arises between the Contracting Parties relating to the interpretation or application of the present Agreement the Contracting Parties shall in the first place endeavour to settle it by negotiation between themselves.

(2) If the Contracting Parties fail to reach a settlement by negotiation:

(a) they may agree to refer the dispute for decision to an arbitral tribunal appointed by agreement between them or to some other person or body; or

(b) if they do not so agree or if, having agreed to refer the dispute to an arbitral tribunal, they cannot reach agreement as to its composition, either Contracting Party may submit the dispute for decision to any tribunal competent to decide it which may hereafter be established within the International Civil Aviation Organisation or, if there is no such tribunal, to the Council of the said Organisation.

(3) The Contracting Parties undertake to comply with any decision given under paragraph (2) of this Article.

(4) If and so long as either Contracting Party or a designated airline of either Contracting Party fails to comply with a decision given under paragraph (2) of this Article, the other Contracting Party may limit, withhold or revoke any rights or privileges which it has granted by virtue of the present Agreement to the Contracting Party in default or to the designated airline or airlines of that Contracting Party or to the designated airline in default.

ARTICLE 12

(1) If either of the Contracting Parties considers it desirable to modify any provision of the present Agreement, such modification, if agreed between the Contracting Parties, shall come into effect when confirmed by an Exchange of Notes.

(2) In the event of the conclusion of any general multilateral convention concerning air transport by which both Contracting Parties become bound, the present Agreement shall be amended so as to conform with the provisions of such convention.

ARTICLE 13

Either Contracting Party may at any time give notice to the other if it desires to terminate the present Agreement. Such notice shall be simultaneously communicated to the International Civil Aviation Organisation. If such notice is given, the present Agreement shall terminate twelve months after the date of receipt of the notice by the other Contracting Party, unless the notice to terminate is withdrawn by agreement before the expiry of this period. In the absence of acknowledgement of receipt by the other Contracting Party, notice shall be deemed to have been received fourteen days after the receipt of the notice by the International Civil Aviation Organisation.

ARTICLE 14

The present Agreement and any Exchange of Notes in accordance with Article 12 shall be registered with the International Civil Aviation Organisation.

ARTICLE 15

The present Agreement shall come into force on the date of signature.

In witness whereof the undersigned, being duly authorised thereto by their respective Governments, have signed the present Agreement.

Done in duplicate at London this 24th day of May 1973, in two authentic texts in the English and Malay languages. In the case of any inconsistency, the text in the English language shall prevail.

For the Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland: For the Government of Malaysia:

ANTHONY ROYLE

ABDUL AZIZ

SCHEDULE

SECTION 1

Routes to be operated by the designated airline or airlines of Malaysia :

<i>Column 1</i> <i>Points of departure :</i>	<i>Column 2</i> <i>Intermediate points :</i>	<i>Column 3</i> <i>Points in the territory of the United Kingdom :</i>	<i>Column 4</i> <i>Points beyond :</i>
1. Points in Malaysia	Bangkok Colombo or Madras Delhi or Bombay Karachi Tehran or Bahrain Beirut Athens or Rome Paris Frankfurt or Amsterdam Zurich	London	—
2. Points in Malaysia	Bangkok	Hong Kong	Taipei Tokyo
3. Points in Malaysia	—	Bandar Seri Begawan	—

The designated airline or airlines of Malaysia may, on any or all flights, omit calling at any of the above points, provided that the agreed services on the routes begin at a point in Malaysia.

SECTION 2

Routes to be operated by the designated airline or airlines of the United Kingdom:

<i>Column 1</i>	<i>Column 2</i>	<i>Column 3</i>	<i>Column 4</i>
<i>Points of departure :</i>	<i>Intermediate points :</i>	<i>Points in Malaysia :</i>	<i>Points beyond :</i>
1. London	Frankfurt or Zurich Beirut or Cairo Bahrain or Dubai Tehran Bombay or Delhi Colombo or Dacca	Kuala Lumpur	Jakarta or Perth Darwin Melbourne Sydney
2. Hong Kong	—	Kuala Lumpur	Jakarta Perth
3. Hong Kong	Bandar Seri Begawan	Kota Kinabalu	—

The designated airline or airlines of the United Kingdom may on any or all flights omit calling at any of the above points, provided that the agreed services on the routes begin at a point in United Kingdom territory.

PERJANJIAN
ANTARA KERAJAAN UNITED KINGDOM BAGI GREAT BRITAIN
DAN IRELAND UTARA DENGAN KERAJAAN MALAYSIA
UNTUK PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN UDARA DI-ANTARA
DAN DI-LUAR WILAYAH-WILAYAHNYA MASING-MASING

Kerajaan United Kingdom bagi Great Britain dan Ireland Utara dan Kerajaan Malaysia;

Sebagai pihak-pihak dalam Konvensyen berkenaan dengan Penerbangan Awam; dan

Dengan tujuan hendak membuat suatu Perjanjian bagi maksud mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan udara di-antara dan di-luar wilayah-wilayahnya masing-masing;

Telah bersetuju seperti berikut:

PERKARA 1

Bagi maksud Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

- (a) istilah "Konvensyen" ertinya Konvensyen berkenaan dengan Penerbangan Awam Antarabangsa yang dibuka untuk ditandatangani di Chicago pada tujuh haribulan Disember, 1944, dan termasuklah apa-apa Lampiran yang diterima di bawah Perkara 90 Konvensyen itu dan apa-apa pindaan bagi Lampiran-Lampiran atau Konvensyen itu di bawah Perkara 90 dan 94 Konvensyen itu;
- (b) istilah "pihakberkuasa penerbangan", mengenai United Kingdom, ertinya Setiausaha Negara bagi Perdagangan dan Perindustrian dan mana-mana orang atau badan yang diberikuasa untuk menyempurnakan apa-apa tugas yang pada masa sekarang boleh dijalankan olehnya atau tugas-tugas yang seumpamanya, dan, mengenai Malaysia, ertinya Menteri Perhubungan dan mana-mana orang atau badan yang diberikuasa untuk menyempurnakan apa-apa tugas yang pada masa sekarang boleh dijalankan oleh Menteri yang tersebut itu atau tugas-tugas yang seumpamanya;
- (c) istilah "perkhidmatan penerbangan yang di tetapkan" ertinya perkhidmatan penerbangan yang telah ditetapkan oleh satu Pihak Berjanji melalui pemberitahu bertulis kepada Pihak Berjanji yang satu lagi itu mengikut Perkara 3 Perjanjian ini untuk menjalankan perkhidmatan udara pada jalan-jalan yang ditentukan dalam pemberitahu itu;
- (d) istilah "pertukaran tolok" ertinya satu bahagian daripada jalan yang ditentukan adalah dikhidmati oleh kapaludara perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan yang mempunyai dayamuatan yang berlainan daripada dayamuatan yang digunakan pada suatu bahagian lain daripada jalan itu;

- (e) istilah "wilayah", berhubung dengan sesuatu Negara, ertinya kawasan-kawasan darat dan perairan wilayah yang berdamping dengannya di bawah kedaulatan, pertuanan, naungan atau peramanaan Negara itu;
- (f) istilah "perkhidmatan udara", "perkhidmatan udara antarabangsa", "perkhidmatan penerbangan" dan "singgah bukan bagi maksud lalulintas" mempunyai erti yang diberi daripadanya masing-masing dalam Perkara 96 Konvensyen itu.

PERKARA 2

(1) Tiap-tiap satu Pihak Berjanji adalah memberi kepada Pihak Berjanji yang satu lagi itu hak-hak yang ditentukan dalam Perjanjian ini bagi maksud mengadakan perkhidmatan udara pada jalan-jalan yang ditentukan dalam Seksyen yang berkenaan dalam Jadual kepada Perjanjian ini (kemudian daripada ini disebut "perkhidmatan yang dipersetujui" dan "jalan-jalan yang ditentukan").

(2) Tertakluk kepada peruntukan Perjanjian ini, perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan oleh tiap-tiap satu Pihak Berjanji hendaklah menikmati keistimewaan-keistimewaan yang berikut semasa menjalankan sesuatu perkhidmatan yang dipersetujui pada sesuatu jalan yang ditentukan:

- (a) terbang tanpa mendarat melalui wilayah Pihak Berjanji yang satu lagi itu;
- (b) berhenti dalam wilayah yang tersebut itu bagi maksud-maksud lalulintas; dan
- (c) berhenti dalam wilayah yang tersebut itu pada tempat-tempat yang ditentukan bagi Jalan itu dalam Jadual kepada Perjanjian ini bagi maksud menurunkan dan mengambil naik lalulintas antarabangsa yang terdiri daripada penumpang-penumpang, kargo dan mel.

(3) Tiada apa-apa jua dalam perenggan (2) Perkara ini boleh disifatkan sebagai memberi keistimewaan kepada perkhidmatan penerbangan satu Pihak Berjanji untuk mengambil naik, dalam wilayah Pihak Berjanji yang satu lagi itu, penumpang-penumpang, kargo atau mel yang dibawa untuk mendapat bayaran atau sewa dan yang ditujukan ke suatu tempat lain dalam wilayah Pihak Berjanji yang satu lagi itu.

PERKARA 3

(1) Tiap-tiap satu Pihak Berjanji adalah mempunyai hak untuk menetapkan secara bertulis kepada Pihak Berjanji yang satu lagi itu satu atau lebih perkhidmatan penerbangan bagi maksud menjalankan perkhidmatan yang dipersetujui pada jalan-jalan yang ditentukan.

(2) Apabila diterima penetapan itu, Pihak Berjanji yang satu lagi itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan perenggan (3) dan (4) Perkara ini, dengan tidak lengah memberi kepada perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan itu kebenaran untuk menjalankan perkhidmatan yang berkenaan itu.

(3) Pihakberkuasa penerbangan bagi satu Pihak Berjanji boleh menghendaki sesuatu perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan oleh Pihak Berjanji yang satu lagi itu memuaskan hatinya bahawa perkhidmatan penerbangan itu adalah berkelayakan untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan yang biasa dan menasabah dikenakan olehnya bagi menepati peruntukan-peruntukan Konvensyen itu ke atas perjalanan perkhidmatan udara perdagangan antarabangsa.

(4) Tiap-tiap satu Pihak Berjanji adalah mempunyai hak untuk enggan menerima penetapan sesuatu perkhidmatan penerbangan dan untuk tidak memberi atau untuk menarik balik keistimewaan-keistimewaan yang ditentukan dalam perenggan (2) Perkara 2 Perjanjian ini atau untuk mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu atas penggunaan keistimewaan-keistimewaan itu oleh sesuatu perkhidmatan penerbangan apabila ianya tidak berpuashati bahawa sebahagian besar hakkepunyaan dan kawalan yang berkesan bagi perkhidmatan penerbangan itu ada terletak pada Pihak Berjanji atau rakyat Pihak Berjanji yang menetapkan perkhidmatan Penerbangan itu.

(5) Pada bila-bila masa selepas peruntukan perenggan (1) dan (2) Perkara ini dipatuhi, sesuatu perkhidmatan penerbangan yang di tetap dan dibenarkan sedemikian boleh mula menjalankan perkhidmatan yang dipersetujui itu dengan syarat bahawa sesuatu perkhidmatan tidak boleh dijalankan melainkan jika suatu tarif yang telah ditetapkan mengikut peruntukan Perkara 7 Perjanjian ini ada berkuatkuasa berkenaan dengan perkhidmatan itu.

(6) Tiap-tiap satu Pihak Berjanji adalah mempunyai hak untuk menggantung daripada digunakan oleh sesuatu perkhidmatan penerbangan keistimewaan-keistimewaan yang ditentukan dalam perenggan (2) Perkara 2 Perjanjian ini atau untuk mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya perlu ke atas penggunaan keistimewaan-keistimewaan itu oleh sesuatu perkhidmatan penerbangan dalam apa-apa hal apabila perkhidmatan itu tidak mematuhi undang-undang atau selainnya tidak menjalankan perkhidmatan penerbangan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian ini; dengan syarat bahawa hak ini boleh digunakan hanya selepas berunding dengan Pihak Berjanji yang satu lagi itu melainkan jika keistimewaan-keistimewaan itu perlu digantung atau syarat-syarat perlu dikenakan dengan segera bagi mengelakkan undang-undang dan peraturan-peraturan itu daripada dilanggar selanjutnya.

PERKARA 4

Bahanapi, minyak pelincir, barang-barang ganti, kelengkapan biasa kapaludara dan barang-barang kapaludara yang dibawa masuk ke dalam wilayah satu Pihak Berjanji, atau yang dibawa naik ke dalam kapaludara di wilayah itu, oleh atau bagi pihak Pihak Berjanji yang satu lagi itu atau perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan

nya dan dimaksudkan semata-mata untuk digunakan oleh atau dalam kapaludara perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan itu hendaklah diberi layanan yang berikut oleh Pihak Berjanji yang pertama itu berkenaan dengan duti kastam, bayaran pemeriksaan dan lain-lain duti dan caj kebangsaan atau tempat yang seumpamanya :

- (a) mengenai bahanapi dan minyak pelincir yang tinggal dalam kapaludara di lapangan terbang persinggahan yang akhir sebelum berlepas dari wilayah tersebut, pengecualian; dan
- (b) mengenai bahanapi dan minyak pelincir yang tidak termasuk di bawah (a) dan barang-barang ganti, kelengkapan biasa kapaludara dan barang-barang kapaludara, layanan yang tidak kurang baiknya daripada yang diberi kepada bekalan-bekalan seumpamanya yang dibawa masuk ke dalam wilayah tersebut, atau yang dibawa naik ke dalam kapaludara di wilayah itu dan di maksud untuk digunakan oleh atau dalam kapaludara perkhidmatan penerbangan kebangsaan Pihak Berjanji yang pertama itu, atau kapaludara perkhidmatan penerbangan asing yang diberi layanan terbaik sekali, yang mengambil bahagian dalam perkhidmatan udara antarabangsa. Layanan ini adalah tambahan kepada dan tanpa menyentuh layanan yang wajib diberi oleh tiap-tiap satu Pihak Berjanji di bawah Perkara 24 Konvensyen itu.

PERKARA 5

(1) Perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan kedua-dua Pihak Berjanji hendaklah mempunyai peluang yang patut dan sama untuk menjalankan perkhidmatan yang dipersetujui pada jalan-jalan yang ditentukan di antara wilayah-wilayahnya masing-masing.

(2) Pada menjalankan perkhidmatan yang dipersetujui, perkhidmatan penerbangan tiap-tiap satu Pihak Berjanji hendaklah mengambilkira tentang kepentingan perkhidmatan penerbangan Pihak Berjanji yang satu lagi itu supaya tidak menyentuh secara tidak berpatutan perkhidmatan yang diadakan oleh Pihak Berjanji yang kemudian tersebut itu pada kesemua atau sebahagian daripada jalan-jalan yang sama.

(3) Perkhidmatan yang dipersetujui yang diadakan oleh perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan bagi Pihak-pihak Berjanji hendaklah berpadanan dengan kehendak-kehendak awam untuk mendapat pengangkutan pada jalan-jalan yang ditentukan itu dan sebagai matlamatnya yang utama hendaklah mengadakan, berdasarkan muatan yang berpatutan, dayamuatan yang cukup bagi membawa penumpang-penumpang, kargo dan mel yang ada pada masa itu atau yang dijangka dengan menasabah akan ada berasal dari wilayah atau ditujukan ke wilayah Pihak Berjanji yang telah menetapkan perkhidmatan penerbangan itu. Peruntukan berkenaan dengan membawa penumpang-penumpang, kargo dan mel yang dibawa naik dan diturunkan di tempat-tempat pada jalan-jalan yang

ditentukan dalam wilayah-wilayah Negara-negara yang lain daripada Negara yang menetapkan perkhidmatan penerbangan itu hendaklah dibuat mengikut prinsip-prinsip am, iaitu dayamuatan itu hendaklah berpadanan dengan:

- (a) kehendak-kehendak untuk membawa lalulintas ke wilayah dan dari wilayah Pihak Berjanji yang telah menetapkan penerbangan itu;
- (b) kehendak-kehendak untuk membawa lalulintas bagi kawasan yang dilalui oleh perkhidmatan penerbangan itu setelah mengambilkira tentang perkhidmatan pengangkutan lain yang diadakan oleh perkhidmatan penerbangan Negara-negara yang terkandung dalam kawasan itu; dan
- (c) kehendak-kehendak bagi perkhidmatan penerbangan yang lalu terus.

PERKARA 6

Sesuatu perkhidmatan penerbangan bagi satu Pihak Berjanji boleh membuat suatu pertukaran tolok pada sesuatu tempat dalam wilayah Pihak Berjanji yang satu lagi itu hanya atas syarat-syarat yang berikut:

- (a) bahawa pertukaran tolok itu adalah patut memandang kepada perjalanan perkhidmatan secara ekonomi;
- (b) bahawa kapaludara yang digunakan pada bahagian yang lebih jauh dari tempat perhentian akhir dalam wilayah Pihak Berjanji yang pertama tersebut itu adalah lebih kecil dayamuatannya daripada kapaludara yang digunakan pada bahagian yang lebih dekat;
- (c) bahawa kapaludara yang lebih kecil dayamuatannya hendaklah menjalankan perkhidmatan hanya berhubung dengan kapaludara yang lebih besar dayamuatannya dan hendaklah dijadualkan untuk menjalankan perkhidmatan yang sedemikian; kapaludara yang pertama tersebut itu hendaklah tiba ditempat pertukaran itu bagi maksud membawa lalulintas dari, atau yang hendak dipindahkan ke, kapaludara yang lebih besar dayamuatannya; dan dayamuatannya itu hendaklah ditentukan dengan memandang terutamanya kepada maksud ini;
- (d) bahawa banyaknya lalulintas yang lalu terus adalah mencukupi; dan
- (e) bahawa peruntukan Perkara 5 Perjanjian ini hendaklah mengawal segala perkiraan yang dibuat berkenaan dengan pertukaran tolok.

PERKARA 7

(1) Tarif-tarif dalam perkhidmatan yang dipersetujui hendaklah ditetapkan mengikut had-had yang berpatutan dengan memberi perhatian yang sewajarnya kepada segala faktor yang berkenaan termasuk belanja menjalankan perkhidmatan, keuntungan yang berpatutaan, ciri-ciri perkhidmatan (seperti darjah laju dan darjah tempat duduk) dan tarif-tarif bagi lain-lain perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan bagi mana-mana bahagian daripada jalan yang ditentukan itu. Tarif-tarif ini hendaklah ditetapkan mengikut peruntukan-peruntukan yang berikut dalam Perkara ini.

(2) Tarif-tarif yang disebutkan dalam perenggan (1) Perkara ini bersama dengan kadar-kadar kamsin perejenan yang digunakan berhubung dengannya hendaklah, jika boleh, dipersetujui bagi tiap-tiap satu jalan yang ditentukan di antara perkhidmatan penerbangan yang berkenaan, dengan berunding dengan lain-lain perkhidmatan penerbangan yang menjalankan perkhidmatan pada kesemua atau sebahagian daripada jalan itu, dan persetujuan itu hendaklah, jika boleh, dicapai melalui jentera penetapan kadar Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa. Tarif-tarif yang dipersetujui sedemikian hendaklah tertakluk kepada kelulusan pihakberkuasa-pihakberkuasa penerbangan kedua-dua Pihak Berjanji.

(3) Jika perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan itu tidak dapat mencapai persetujuan atas mana-mana daripada tarif-tarif ini, atau jika oleh kerana sesuatu sebab sesuatu tarif tidak dapat dipersetujui mengikut peruntukan perenggan (2) Perkara ini, pihakberkuasa-pihakberkuasa penerbangan bagi Pihak-pihak Berjanji hendaklah mencuba menetapkan tarif dengan jalan persetujuan antara mereka sendiri.

(4) Jika pihakberkuasa-pihakberkuasa penerbangan itu tidak dapat bersetuju atas kelulusan sesuatu tarif yang dikemukakan kepada mereka di bawah perenggan (2) Perkara ini atau atas penetapan sesuatu tarif di bawah perenggan (3), maka pertikaian itu hendaklah diselesaikan mengikut peruntukan Perkara 11 dalam Perjanjian ini.

(5) Tiada sesuatu tarif boleh berjalan kuatkuasanya jika pihakberkuasa penerbangan bagi mana-mana satu Pihak Berjanji tidak puashati dengannya kecuali di bawah perenggan (3) Perkara 11 dalam Perjanjian ini.

(6) Apabila tarif-tarif telah ditetapkan mengikut peruntukan Perkara ini, tarif-tarif itu hendaklah berkuatkuasa seterusnya sehingga tarif-tarif baharu telah ditetapkan mengikut peruntukan Perkara ini.

PERKARA 8

Tiap-tiap satu Pihak Berjanji adalah memberi kepada perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan bagi Pihak Berjanji yang satu lagi itu hak untuk memindahkan dengan bebas terimaan-terimaannya yang berlebihan dalam wilayahnya daripada perbelanjaannya dalam wilayahnya itu. Pemindahan itu hendaklah dilaksanakan atas asas kadar-kadar pasaran pertukaran wang asing pada masa itu untuk bayaran-bayaran semasa.

PERKARA 9

Pihakberkuasa penerbangan bagi mana-mana satu Pihak Berjanji hendaklah memberi kepada pihakberkuasa penerbangan bagi Pihak Berjanji yang satu lagi itu, apabila di minta olehnya, apa-apa pernyataan berkala perangkaan atau lain-lain pernyataan perangkaan sebagaimana yang menasabah dikehendaki bagi maksud mengulangkaji dayamuatan yang diadakan dalam perkhidmatan yang dipersetujui itu oleh perkhidmatan penerbangan Pihak Berjanji yang pertama itu. Pernyataan itu hendaklah termasuk segala maklumat yang dikehendaki untuk menentukan banyaknya lalulintas yang telah dibawa oleh perkhidmatan penerbangan itu dalam perkhidmatan yang dipersetujui itu dan tempat-tempat asal dan tempat-tempat tujuan lalulintas itu.

PERKARA 10

Perundingan hendaklah lazim dan kerap kali diadakan di antara pihak berkuasa-pihak berkuasa penerbangan bagi Pihak-pihak Berjanji untuk memastikan kerjasama yang rapat dalam semua perkara berkenaan dengan memenuhi Perjanjian ini.

PERKARA 11

(1) Jika apa-apa pertikaian timbul di antara Pihak-pihak Berjanji berkenaan dengan pentafsiran dan pemakaian Perjanjian ini Pihak-pihak Berjanji hendaklah pertamanya berusaha menyelesaikannya dengan jalan berunding antara mereka sendiri.

(2) Jika Pihak-pihak Berjanji tidak dapat mencapai sesuatu persetujuan dengan jalan berunding:

- (a) mereka boleh bersetuju merujuk pertikaian itu untuk keputusan kepada sesuatu tribunal timbangtara yang dilantik dengan jalan persetujuan di antara mereka atau kepada seseorang atau sesuatu badan lain; atau
- (b) jika mereka tidak bersetuju sedemikian atau jika, setelah bersetuju merujuk pertikaian itu kepada suatu tribunal timbangtara, mereka tidak mencapai persetujuan tentang keanggotaannya, mana-mana satu Pihak Berjanji boleh mengemukakan pertikaian itu untuk keputusan kepada mana-mana tribunal yang layak memutuskannya, yang boleh kemudian daripada ini ditubuhkan dalam Pertubuhan Penerbangan Awam Antara-bangsa atau, jika tribunal itu tidak ada, kepada Majlis Pertubuhan yang tersebut itu.

(3) Pihak-pihak Berjanji mengakujaji akan mematuhi apa-apa keputusan yang di beri di bawah perenggan (2) Perkara ini.

(4) Jika dan selagi mana-mana satu Pihak Berjanji atau sesuatu perkhidmatan penerbangan bagi mana-mana satu Pihak Berjanji tidak mematuhi sesuatu keputusan yang liberi di bawah perenggan (2) Perkara ini Pihak Berjanji yang satu lagi itu boleh menghadkan, tidak memberi atau menarik balik apa-apa hak atau keistimewaan yang telah diberinya menurut Perjanjian ini kepada Pihak Berjanji yang ingkar itu atau kepada perkhidmatan penerbangan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan bagi Pihak Berjanji itu atau kepada perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan yang ingkar itu.

PERKARA 12

(1) Jika mana-mana satu daripada Pihak-pihak Berjanji dapati perlu mengubahsuai mana-mana peruntukan Perjanjian ini, maka ubahsuai itu, jika dipersetujui antara Pihak-pihak Berjanji, hendaklah berjalan kuatkuasanya apabila disahkan melalui suatu Pertukaran Nota.

(2) Jika sekiranya suatu konvensyen am berbilang pihak dibuat mengenai pengangkutan udara dan kedua-dua Pihak Berjanji adalah terikat dengannya, maka Perjanjian ini hendaklah dipinda supaya menepati peruntukan-peruntukan konvensyen itu.

PERKARA 13

Mana-mana satu Pihak Berjanji boleh pada bila-bila masa memberi pemberitahu kepada Pihak Berjanji yang satu lagi itu jika ia ingin hendak menamatkan Perjanjian ini. Pemberitahu itu hendaklah di hantar serentak kepada Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa. Jika pemberitahu ini diberi, Perjanjian ini hendaklah tamat dua belas bulan dari tarikh pemberitahu itu diterima oleh Pihak Berjanji yang satu lagi itu, melainkan jika pemberitahu hendak menamatkan itu di tarikkalik dengan persetujuan sebelum tamat tempoh itu. Jika sekiranya tidak ada akuterimaan mengenai penerimaan daripada Pihak Berjanji yang satu lagi itu, pemberitahu itu hendaklah disifatkan sebagai telah diterima empat belas hari selepas pemberitahu itu diterima oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.

PERKARA 14

Perjanjian ini dan apa-apa Pertukaran Nota mengikut Perkara 12 hendaklah didaftarkan dengan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.

PERKARA 15

Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasanya pada tarikh ianya ditandatangani.

Pada menyaksikan hal di atas, yang bertandatangani di bawah ini, yang diberikuasa dengan sempurna bagi maksud itu oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat dalam dua naskah di London pada 24 haribulan Mei 1973, dalam dua teks yang sah dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Jika sekiranya ada apa-apa perselisihan, teks dalam bahasa Inggeris itu hendaklah dipakai.

Bagi pihak Kerajaan United Kingdom bagi Great Britain dan Ireland Utara :
Bagi pihak Kerajaan Malaysia :

ANTHONY ROYLE

ABDUL AZIZ

JADUAL

SEKSYEN 1

Jalan-jalan di mana perkhidmatan hendak diadakan oleh perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan bagi Malaysia :

<i>Ruang 1</i>	<i>Ruang 2</i>	<i>Ruang 3</i>	<i>Ruang 4</i>
<i>Tempat-tempat berlepas :</i>	<i>Tempat-tempat di-antara :</i>	<i>Tempat-tempat dalam wilayah United Kingdom :</i>	<i>Tempat-tempat di-luar :</i>
1. Tempat-tempat di Malaysia	Bangkok Colombo atau Madras Delhi atau Bombay Karachi Teheran atau Bahrein Beirut Athens atau Rome Paris Frankfurt atau Amsterdam Zurich	London	—
2. Tempat-tempat di Malaysia	Bangkok	Hong Kong	Taipei Tokyo
3. Tempat-tempat di Malaysia		Bandar Seri Begawan	—

Perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan bagi Malaysia boleh melangkaukan mana-mana daripada tempat-tempat di atas dalam mana-mana atau semua penerbangan dengan syarat bahawa perkhidmatan yang dipersetujui pada jalan itu bermula di suatu tempat dalam Malaysia.

SEKSYEN 2

Jalan-jalan di mana perkhidmatan hendak diadakan oleh perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan bagi United Kingdom :

<i>Ruang 1</i>	<i>Ruang 2</i>	<i>Ruang 3</i>	<i>Ruang 4</i>
<i>Tempat-tempat berlepas</i>	<i>Tempat-tempat di-antara :</i>	<i>Tempat-tempat di Malaysia :</i>	<i>Tempat-tempat di-luar :</i>
1. London	Frankfurt atau Zurich Beirut atau Cairo Bahrein atau Dubai Teheran Bombay atau Delhi Colombo atau Dacca	Kuala Lumpur	Jakarta atau Perth Darwin Melbourne Sydney
2. Hong Kong	—	Kuala Lumpur	Jakarta Perth
3. Hong Kong	Bandar Seri Begawan	Kota Kinabalu	—

Perkhidmatan atau perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan yang ditetapkan bagi United Kingdom boleh melangkaukan mana-mana daripada tempat di atas dalam mana-mana atau semua penerbangan dengan syarat bahawa perkhidmatan yang dipersetujui pada jalan-jalan itu bermula di suatu tempat dalam wilayah United Kingdom.